



PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMBANGUNAN PELAJAR UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 UPM SERDANG
NO. TEL: 03-97698558/8559
WEBSITE: www.pkk.upm.edu.my

GARIS PANDUAN HEBAHAN BAHAN PUBLISITI DAN SIARAN LANGSUNG PROGRAM KOMUNITI KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

1. BAHAN PUBLISITI (KAIN RENTANG/ BANTING/ POSTER/ FLYERS & DIGITAL BOARD)

a) Kelulusan

- i. Semua bahan bercetak seperti kain rentang/ banting/ poster/ flyers/ paparan digital board sebelum dicetak atau dihebahkan mestilah :
 - disemak oleh Fasilitator
 - disokong oleh Fasilitator Khas
 - diluluskan oleh staf Seksyen Kokurikulum Berkredit
- ii. Permohonan kelulusan bahan publisiti perlu dihantar melalui emel: pkpp_kkb@upm.edu.my selepas disokong oleh Fasilitator Khas.
- iii. Proses kelulusan dalam tempoh 3 hari waktu bekerja.
- iv. Setelah diluluskan, pelajar boleh mencetak kain rentang/ banting/ poster/ flyers.
- v. Untuk hebahan, rujuk Perkara no. 3.

b) Penggunaan template rekabentuk rasmi upm bagi bahan publisiti

- i. Rujuk laman web <https://pkpp.upm.edu.my/faildokumen> - template rekabentuk rasmi UPM bagi bahan publisiti
- ii. **WAJIB** mempunyai logo Icon Putra Bakti pada setiap hebahan publisiti.

2. VIDEO PROMOSI / PROGRAM

a) Kelulusan

- i. Video promosi program mestilah :
 - disemak oleh Fasilitator
 - diluluskan oleh Fasilitator Khas
- ii. Video promosi perlu dihantar kepada Fasilitator Khas untuk semakan dan kelulusan.
- iii. Setelah diluluskan, rujuk perkara no.3.

b) Maklumat di dalam video perlu tepat, sahih dan tidak mempunyai unsur sensitiviti contoh agama, bangsa, negara dan politik.

c) Memaparkan sumber rujukan sekiranya mengambil rakaman hak milik terpelihara di dalam video program.

3. HEBAHAN BAHAN PUBLISITI DAN SIARAN LANGSUNG DI LAMAN MEDIA SOSIAL

- a) Bahan publisiti hanya boleh dihebahkan **selepas mendapat surat kelulusan** program komuniti.
- b) Semua bahan publisiti program (poster, video, hebahan) dan siaran langsung hendaklah **di-linkkan ke akaun laman rasmi media sosial PKPP** dan akan *dishare* oleh pihak PKPP di laman sosial tersebut.
- c) Sila *linkkan* hebahan atau siaran langsung di :
 - i. Facebook : Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar - CSDC UPM
www.facebook.com/CSDCUpm
 - ii. Instagram : @csdcupm
www.instagram.com/csdcupm/